

# MRT SBK ubah corak hidup 1.2 juta penduduk

**KUALA LUMPUR** - Pembukaan Fasa Kedua Transit Aliran Masa (MRT) Laluan Sungai Buloh- Kajang (SBK) pada Isnin depan bakal membawa perubahan kepada corak hidup bagi kira-kira 1.2 juta penduduk sepanjang laluan MRT keseluruhannya.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, pelbagai bentuk kemudahan meliputi institusi pendidikan, kesihatan serta pusat membeli belah berada dalam lingkungan 500 meter di setiap stesen.

Menurutnya, ia secara tidak langsung akan mengubah mood pengangkutan penduduk sekitar dengan lebih efisien dan menjimatkan.

“Terdapat 44 pusat membeli belah yang berhampir-

an di sepanjang laluan MRT. Memudahkan orang ramai untuk ke pusat bandar.

“Begitu juga dengan institusi pendidikan meliputi sekolah, kolej dan sebagainya. Jadi golongan pelajar boleh menggunakan kemudahan MRT secara total.

“Banyak juga hospital yang berhampiran dengan laluan membolehkan orang ramai tidak perlu lagi bermalam di Loni menunggu pesakit mereka boleh balik ambil tren terakhir jam 12 malam dan datang semula pada jam 6 pagi,” katanya ditemui ketika sesi taklimat dan lawatan bersama media sempena pembukaan fasa kedua SBK di sini, semalam.

Laluan SBK yang terdiri daripada 19 stesen itu akan beroperasi sepenuhnya pada 17 Julai dan turut meliputi tujuh stesen pertukaran.